

# Raih Pingat Emas BH/BM hasil minat sejarah, bahasa dan sastera Melayu



**SELIDIK ASAL USUL:** Cik Norhafizah menjadikan kajian mengenai asal usul keluarganya berpandukan sejarah lisan yang diceritakan saudara-mara sebagai topik pengajian di universiti. – Foto M.O. SALLEH

## Pelajar NUS lebih hargai identiti Melayu lepas kaji susur galur famili

Oleh NUR'ADILAH MAHBUB

[adilaham@sph.com.sg](mailto:adilaham@sph.com.sg)

MAHASISWI Universiti Nasional Singapura (NUS), Cik Norhafizah Madbi, berpeluang menyusur galur keluarganya sebagai topik kajian penggal lalu.

Hasilnya, beliau kini lebih peka dan menghargai identiti Melayu, sekali gus meningkatkan lagi minatnya terhadap sejarah dan budaya Melayu.

"Bapa saya berketurunan Bawean. Ibu saya pula berketurunan Jawa. Bukan mudah untuk menyusur galur keluarga saya kerana kami tidak menyimpan apa-apa rekod."

"Saya terpaksa bergantung pada sejarah lisan, iaitu sumber-sumber perbualan dengan saudara-mara

dan sebagainya," kata Cik Norhafizah, 22 tahun, anak sulung daripada dua adik-beradik.

Minat mendalam Cik Norhafizah pada sejarah, bahasa dan sastera Melayu berbaloi apabila beliau memenangi Pingat Emas Berita Harian/Berita Minggu sebagai pelajar pengkhususan Pengajaran Melayu terbaik sepanjang tiga tahun akademik lalu.

Beliau turut menerima Anugerah Mengajar Kementerian Pendidikan (MOE).

Minat pelajar tahun keempat ijazah sarjana muda sastera dengan kepujian itu dalam bidang pengajaran Melayu bermula pada peringkat awal lagi.

"Saya bertuah kerana dari awal telah didedahkan kepada bahasa dan sastera Melayu melalui pro-

gram-program khas di sekolah menengah dan maktab rendah," ujar Cik Norhafizah.

Beliau menyertai Program Elektif Bahasa Melayu bagi Sekolah Menengah (Emas) di Sekolah Tinggi Perintah Bukit Panjang, manakala di Maktab Rendah Innova pula beliau mengikuti program Program Elektif Bahasa Melayu (MLEP).

Walaupun pengajian di universiti rata-ratanya memerlukan beliau menulis esei dalam bahasa Inggeris, Cik Norhafizah masih terus cuba menulis dalam bahasa Melayu seberapa kerap yang mungkin.

"NUS ada menawarkan modul berkenaan sastera dan sebagainya, jadi saya akan menulis esei dalam bahasa Melayu bagi modul-modul itu," katanya.

Sebagai penerima Anugerah Mengajar MOE, Cik Norhafizah akan menceburi kerjaya sebagai guru Bahasa Melayu setelah tamat pengajian di NTU kiat larak.